



**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
45000 KUALA SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang masih sah di bawah kod bidang yang berkaitan serta pemborong juga hendaklah berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja seperti berikut :-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
1.	KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PENGHAWA DINGIN SERTA PENYELENGGARAAN PENGHAWA DINGIN DI PEJABAT JABATAN MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR No.Sebutharga : SH 54/2018	220301 Alat Hawa Dingin (window /split / berpusat)	Mulai 02.05.2018 Hingga 10.05.2018	RM 53.00	11.05.2018 (jam 12 t/hari)
2.	CADANGAN KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PENGHAWA DINGIN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI DEWAN ORANG RAMAI BESTARI JAYA, DAERAH KUALA SELANGOR No.Sebutharga : SH 57/2018	220301 Alat Hawa Dingin (window /split / berpusat)	Mulai 02.05.2018 Hingga 10.05.2018	RM 53.00	11.05.2018 (jam 12 t/hari)

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga **boleh dibeli secara online melalui laman web <https://tender.selangor.my>** bermula 02 Mei 2018 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Kontraktor perlu mengemukakan salinan **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa menghantar dokumen tawaran sebut harga. Sila kemukakan juga salinan pendaftaran syarikat dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** serta salinan penyata bulanan bank yang terkini (3 bulan) bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap.

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor di **Aras Bawah, Majlis Daerah Kuala Selangor** sebelum atau pada **11 Mei 2018, jam 12.00 tengahari**.

Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

.....
(Rahilah binti Rahmat A.M.S.)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Selangor

QS/frth/iklan sh/270418

Tarikh : hb. April 2018